



**TERAS KEPIMPINAN DAN HARAPAN
PRESIDEN BAHARU FAM,
YH DATO' HAJI HAMIDIN BIN HAJI MOHD AMIN
KEPADA 5 PERKARA ASAS YANG DITERJEMAHKAN
KEPADA 30 PERKARA UTAMA**



PENGURUSAN & PENTADBIRAN

1

Mengembalikan keutuhan FAM dalam konteks pentadbiran dan pengurusan bolasepak menerusi persijilan Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 dan sekaligus menjadikan FAM antara organisasi sukan contoh di Asia dan dunia

2

Melaksanakan reform dalam struktur pentadbiran dan pengurusan FAM di mana pengasingan tanggungjawab dan peranan secara jelas dan khusus di antara peringkat dasar dengan pelaksanaan

3

Membuka penyertaan kepada Ahli dan pemegang taruh secara lebih aktif dan meluas serta membendungkan elemen dominasi dari satu kumpulan atau kelompok tertentu

4

Mengkaji serta menyusun semula Statut dan Peraturan-Peraturan FAM agar ianya lebih relevan dan memenuhi tuntutan budaya bolasepak masa kini sepertimana yang diamalkan di peringkat FIFA dan AFC

5

Mempelopori usaha untuk membangun, membimbing dan mendidik Persatuan Bolasepak Negeri dan Kelab melalui pengenalan Program Pendidikan Khas FAM yang berpandukan kepada kaedah dan syllabus yang menjadi amalan FIFA dan AFC

6

Memperkukuhkan dasar perbelanjaan berhemah, *cost effective* dengan diimbangi sistem pengurusan kewangan yang lebih terurus

7

Menjadikan pentadbiran FAM berasaskan kepada sistem dalam talian termasuklah dalam soal pengurusan perlawanan & pertandingan, pendaftaran, pengumpulan data, pentadbiran harian dan sebagainya

8

Membangunkan ibu pejabat FAM yang baharu dan Pusat Latihan Kebangsaan bersepadu di Putrajaya



WISMA FAM



ARENA FUTSAL FAM

PASUKAN KEBANGSAAN

1

Menyusun semula struktur pengurusan teknikal Pasukan-pasukan Kebangsaan dengan menerapkan pendekatan baharu yang bersesuaian dengan budaya dan eko-sistem bolasepak tempatan

2

Menyasarkan kedudukan tertinggi Malaysia dalam senarai *ranking* FIFA serta mengkaji semula matlamat dan tumpuan Pasukan-pasukan Kebangsaan melalui pengenalan sasaran baharu yang lebih optimistik lagi realistik

3

Menyediakan perlawanan pendedahan yang lebih tersusun dengan mengambilkira penglibatan pasukan lawan yang lebih berkualiti dan berdaya saing

4

Memperuntukkan tempoh persiapan pasukan yang lebih mencukupi dan memastikan perancangan latihan pusat dilaksanakan secara teratur dengan mengambilkira keseimbangan di antara kepentingan negara dan kelab terpelihara



PROGRAM PEMBANGUNAN

1

Menyediakan satu Pelan Strategik dan *Road Map* yang bakal memperincikan secara komprehensif segala perancangan, pelan tindakan serta matlamat setiap aktiviti

2

Memperkasakan semua Program Pembangunan Akar Umbi agar ianya mampu menjadi satu program jangka panjang yang bersepadu dalam melahirkan satu DNA bolasepak negara yang sekaligus membentuk dan menghasilkan generasi pemain tempatan yang berkualiti

3

Melahir serta memperbanyakkan barisan Instruktur Kejurulatihan yang bertauliah lagi berkaliber dan sekaligus layak mengendalikan Kursus Kejurulatihan dalam melahirkan lebih ramai kalangan Jurulatih di peringkat *Pro-Licence*, Lesen A, B, C dan sebagainya

4

Merencanakan lagi kerjasama dan kolaborasi yang lebih efektif dengan Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan serta mewujudkan satu sistem pelesenan melalui pengenalan Grassroot Charter yang bakal dizahirkan melalui satu bentuk kerjasama yang berasaskan win-win situation di antara FAM dengan Akademi Bolasepak swasta di seluruh negara



PROGRAM PEMBANGUNAN

5

Mengkaji semula peranan FAM dalam proses pembuatan dasar Pelan Pembangunan Bolasepak Negara (NFDP) dengan menjadikan peranan setiap Ahli dalam Jawatankuasa NFDP secara lebih efektif dan sekaligus turut bertindak sebagai pemantau dalam kerja-kerja pengurusan dan pentadbiran program

6

Mempertingkatkan pembangunan Pengadil negara melalui pelancaran Program Pembangunan Pengadil Profesional

7

Membentuk satu persefahaman dan kerjasama dengan Institusi Pengajian Awam dan Swasta untuk menggalakkan bekas pemain meneruskan Pendidikan dalam pengurusan bolasepak selepas persaraan

8

Memperhebatkan pembangunan Bolasepak Wanita melalui pengenalan aktiviti-aktiviti tersusun seperti Program Pembangunan di peringkat umbi, peningkatan tenaga kejurulatihan serta penstrukturan semula format pertandingan yang sedia ada



PERTANDINGAN

1

Memperkasakan pengendalian pengurusan pertandingan di kalangan Ahli FAM dalam melahirkan kakitangan yang berpengetahuan dalam bidang pengurusan pertandingan

2

Penstrukturan semula pertandingan peringkat domestik termasuklah dalam konteks pengolahan semula liga bawah umur, liga bolasepak wanita dan Bolasepak Pantai baiknya di peringkat tertinggi mahupun akar umbi

3

Memperkenalkan Liga Futsal Kebangsaan secara professional dengan pembabitan pemain Asing secara berkala dan terkawal

4

Mengaktifkan semula persaingan bolasepak di peringkat antarabangsa seperti pengenalan semula Kejohanan Pestabola Merdeka dan sebagainya

5

Melihat semula kemudahan dan infrastruktur venue pertandingan agar ianya bukan sahaja mampu diperbanyakkan bahkan menepati piawaian FIFA dan AFC

6

Merencanakan penerimaan Pelesenan Kelab untuk semua peringkat baiknya yang melibatkan *Association Football*, Futsal mahupun Bolasepak Pantai



KOMUNIKASI & PEMASARAN

- 1 Menerap budaya peduli kritikan di kalangan kepimpinan FAM termasuklah di peringkat jurulatih Pasukan-pasukan Kebangsaan supaya apa jua bentuk kritikan, pandangan dan cadangan diberi respon sewajarnya
- 2 Memperluaskan aktiviti *fans engagement* supaya skopnya bukan sahaja membabitkan Presiden FAM, malah Ahli-Ahli Jawatankuasa Eksekutif FAM untuk turut serta bagi menjawab dan menerangkan segala jenis persoalan yang berkaitan dengan bidang dan skop tugas masing-masing
- 3 Mengkaji segala jenis peluang dalam menjadikan aktiviti FAM sebagai satu produk yang mempunyai nilai komersil dan mengeksplorasikan keupayaan berdaya saing di pasaran tempatan dan antarabangsa
- 4 Menggalak pertumbuhan industri *football tourism* dengan cara menjadikan Malaysia sebagai hub utama dunia yang sekaligus turut membantu merangsangkan pertumbuhan ekonomi Negara selain mempromosikan Malaysia di mata dunia

